



UNTUK SIARAN SEGERA

## PERBANDARAN RIMBAWAN DAN BAYU HILLS OLEH LBS BINA: PERBANDARAN MESRA HIJAU DENGAN KETENANGAN ALAM SEMULA JADI

- Menunjukkan komitmen teguh LBS terhadap keseimbangan dalam pemajuan dan pemuliharaan
- Menggunakan Kaedah Miyawaki untuk memperkasa biodiversiti dan menggalakkan pemuliharaan semula jadi

---

**Gohtong Jaya, 15 Oktober 2024** – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju harta tanah terkemuka pilihan rakyat, melancarkan Bandar Rimbawan, sebuah pembangunan yang terletak di Genting Highlands, Pahang, dengan keluasan 315 ekar. Perbandaran yang bersifat mesra hijau ini dijangka menjana nilai pembangunan kasar (GDV) lebih daripada RM9.5 bilion.

Pada ketinggian 821 meter dari paras laut, Bandar Rimbawan dirancang dengan teliti untuk mengintegrasikan masyarakat dengan ekosistem setempat. Sungai dan air terjun menjadi tulang belakang utama bandar ini. Rimbawan direka dan dibangunkan dengan mengambil kira unsur-unsur semula jadi ini. Bagi memastikan biodiversiti ekosistem setempat terjaga, koridor hijau dibina merentasi seluruh bandar, yang turut menjadi laluan semula jadi bagi spesis flora dan fauna di kawasan hijau yang dipelihara.

Projek ini melambangkan komitmen teguh LBS terhadap mengimbangi pemajuan dan pemuliharaan, dengan melaksanakan penanaman semula hutan yang berkesan melalui Kaedah Miyawaki<sup>123</sup> untuk memperkuat biodiversiti dan menggalakkan pertumbuhan semula jadi. Selain itu, solusi ini turut menggabungkan ciri-ciri ‘sponge city’, yang membolehkan penanaman pokok-pokok tempatan yang berkepadatan tinggi untuk menggalakkan pertumbuhan sistem akar yang kukuh, di samping memperbaiki struktur tanah, dan meningkatkan kapasiti penyerapan air hujan dengan

signifikan. Dilengkapi dengan rangkaian laluan serapan tinggi yang direka untuk memudahkan penyerapan air hujan, ciri-ciri ini berfungsi secara sinergi untuk menjadikan Rimbawan sebagai sebuah ‘sponge city’ yang berupaya mengurangkan risiko banjir secara berkesan.

Untuk memastikan Rimbawan mengintegrasikan penduduknya dengan alam semula jadi, pembangunan ini dibahagikan secara strategik kepada empat zon yang berbeza:

- **‘EcoCommunity’**: Menawarkan pelbagai pilihan perumahan, termasuk lot banglo, harta tanah berangkai, dan unit kediaman bertingkat, di tengah-tengah ruang terbuka hijau yang subur, merangkumi lebih daripada 9km laluan hutan, serta trek berbasikal dan jogging lebih dari 6km.
- **‘EcoCommercial’**: Berpusat di sekitar sungai yang mengalir, ini adalah pusat sosial Rimbawan yang menyediakan pelbagai kemudahan awam dan komersial, menggalakkan hubungan masyarakat di dalam persekitaran semula jadi.
- **‘EcoDiscovery’**: Dengan lebih daripada 50 ekar kawasan perlindungan ekologi, ia menawarkan pengalaman dan penemuan suasana alam semula jadi kepada penduduk.
- **‘EcoPlay’**: Menampilkan taman permainan yang berasaskan alam, memupuk hubungan istimewa di antara kanak-kanak dengan alam semula jadi, membentuk generasi baru yang menghargai kelestarian serta prihatin terhadap alam sekitar.

Tan Sri Dato’ Sri Ir (Dr.) Lim Hock San, Pengurus Eksekutif Kumpulan LBS, menekankan, “Kami percaya bahawa kemajuan sebenar tidak hanya terhad kepada memenuhi keperluan hari ini, tetapi juga melibatkan keputusan yang memastikan kesejahteraan masa depan. Dengan cabaran alam sekitar global, adalah penting untuk kita memikirkan semula kesemua aspek termasuk pembinaan, gaya hidup serta cara berinteraksi dengan alam semula jadi.”

Terletak di lokasi yang strategik berhampiran dengan kemudahan dan tarikan utama, Rimbawan menawarkan penduduknya gaya hidup yang dinamik di dalam suasana penuh ketenangan. Pembangunan unik oleh LBS ini menetapkan penanda aras

baharu untuk kehidupan di kawasan tinggi dan menggabungkan keindahan landskap semula jadi dengan suntikan elemen moden yang canggih, sekali gus mempromosikan gaya hidup yang lestari dan seimbang untuk penduduknya.

Seiring dengan pelancaran Bandar Rimbawan, LBS turut memperkenalkan projek kediaman bertingkat pertamanya, pangsapuri servis Bayu Hills. Sebagai sebahagian daripada perbandaran yang menitikberatkan alam sekitar ini, penduduk Bayu Hills akan menikmati kemudahan yang dirancang secara khusus, serta keindahan Bandar Rimbawan yang telah direka dengan teliti.

Bayu Hills menawarkan pelbagai kemudahan untuk memenuhi setiap aspek kehidupan moden, bertujuan untuk memberikan keselesaan dan manfaat kepada penduduk serta pemandangan indah kawasan tanah tinggi. Bayu Hills dilengkapi dengan ruang santai, ruang kerja yang kondusif di dalam kawasan yang berlatar belakangkan keindahan hutan, dan pemandangan hijau, di mana setiap ruang diintergrasikan secara harmoni ke dalam landskap yang direka dengan seni dan susunatur yang mesra pengguna. Penduduk juga boleh menikmati kemudahan lain seperti tadika, surau, bilik permainan, kolam renang, kawasan BBQ, dan banyak lagi. Dengan perincian khusus, Bayu Hills menawarkan kediaman yang diidamkan.

Dengan jumlah 642 unit kediaman, Bayu Hills dijangka menghasilkan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM453 juta. Dengan harga permulaan serendah RM501,900, pembangunan berkapasiti rendah ini menawarkan pelbagai susunatur yang direka dengan teliti, sesuai untuk pemilik rumah yang mencari gabungan harmoni antara kehidupan moden dan ketenangan alam, dengan pelbagai saiz unit yang berbeza pilihan dari 500 hingga 1,067 kaki persegi.

“Kelestarian merupakan teras strategi bagi pembangunan LBS. Bandar Rimbawan adalah projek yang benar-benar mencerminkan komitmen LBS Bina untuk membina secara bertanggungjawab demi masa depan. Sebagai pemaju, kami bukan hanya sekadar membina bangunan, tetapi turut menggalas tanggungjawab untuk membentuk masyarakat dan persekitaran yang akan menjadi rumah bagi generasi akan datang,” tambah Tan Sri.

“Komitmen LBS, yang baru-baru ini diiktiraf sebagai Syarikat Pengurus Terbaik oleh Deloitte untuk tahun ketiga berturut-turut, berkait rapat dengan tumpuan kami terhadap prinsip persekitaran, sosial, dan urus tadbir (ESG). Projek ini mencerminkan dedikasi LBS terhadap pembangunan lestari, menunjukkan bagaimana kami mengintegrasikan pemuliharaan alam, kesejahteraan komuniti, dan urus tadbir yang beretika dalam setiap aspek operasi kami.”, ujar Tan Sri.

Jadilah di antara 100 pelanggan terawal yang membuat tempahan, dan nikmati tawaran eksklusif daripada LBS! Untuk maklumat lanjut mengenai Bandar Rimbawan dan projek Bayu Hills, sila layari: <https://lbsrimbawan.com.my/>.

-Tamat-